

25 MAY 2000

Sukan-Ironman

IRONMAN 2000: PERBELANJAAN PENGANJURAN DAPAT DIKURANG

LANGKAWI 25 Mei (Bernama) -- Kos penganjuran Ironman Malaysia Triathlon Langkawi 2000 dijangka dapat dikurangkan berikutan kerjasama yang diberikan kerajaan negeri Kedah dan sektor swasta, kata penganjurnya Langkawi Ironman Endurance Marathon Sdn Bhd (LIEM).

Pengarah Urusan LIEM Datuk Sri Ram Sarma berkata anggaran awal penganjuran sukan mencabar itu pada 28 Mei ini dijangka membabitkan RM3.8 juta.

Bagaimanapun, anggaran jumlah sebenar kos yang dapat dikurangkan itu akan hanya diketahui selepas berakhirnya sukan itu, katanya kepada pemberita selepas menyambut ketibaan peserta di sebuah hotel di sini hari ini.

Beliau melahirkan rasa bangga dan terima kasih kepada kerajaan negeri, Pejabat Daerah Langkawi, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) dan pelbagai pihak yang membantu menjayakan Ironman Malaysia itu.

Sebanyak 130 peserta termasuk dari Jepun, Amerika Syarikat, Perancis, Jerman, Australia, Hong Kong, Afrika Selatan, Thailand, Indonesia dan Filipina mengesahkan penyertaan mereka pada kejohanan yang menawarkan hadiah keseluruhan berjumlah RM95,000 (AS\$25,000).

LIEM Sdn Bhd adalah pemegang lesen edisi Malaysia bagi kejohanan itu yang merangkumi acara renang sejauh 3.8 km, lumba basikal sejauh 180.2km dan maraton sejauh 40.2km.

Acara itu akan bermula di Dataran Helang di sini mulai 7 pagi dan tamat 12 tengah malam.

Malaysia merupakan satu-satunya negara Asia Tenggara yang diberikan penghormatan menganjurkan pusingan kelayakan kejohanan itu bagi kejohanan dunia yang akan diadakan di Kepulauan Kona, Hawaii pada Oktober depan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual akan menghadiri Carbo Night Ironman Malaysia Triathlon 2000 di sebuah hotel terkemuka di sini malam esok.

-- BERNAMA

ZI RHM